

18 MAY 2003

Snap-Dundang/I

EDWIN DUNDANG GANTI JAMES WONG SEBAGAI PRESIDEN SNAP

KUCHING, 18 Mei (Bernama) -- Edwin Dundang hari ini dipilih presiden Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) pada Perhimpunan Agung Ke-15 parti itu, menggantikan ahli politik veteran Datuk Amar James Wong yang mengundur diri dari jawatan tersebut.

James Wong, yang melepaskan jawatan yang disandangnya selama 22 tahun itu, bagaimanapun dilantik penanung dan presiden seumur hidup Snap.

Penyandang jawatan lain terdiri daripada Datuk Justine Jinggut sebagai timbalan presiden, Datuk Michael Bong Thiam Joon sebagai naib presiden manakala tujuh naib presiden parti itu terdiri daripada Datuk Senator William Lau Kung Hui, Leo Jana Etin, Hussain Zainuddin, Johnny Wong Sie Lee, Stamford Emang, Frankie Nyombui dan Jamblee Tanggoi.

Jawatan setiausaha agung pula disandang oleh Edmund Stanley Jugol, timbalan setiausaha agung, Frankie Bendindang Manjah, bendahari agung, Dennis Chang Foh Onn dan pegawai publisiti, Dunstan Melling.

Jawatan ketua wanita parti disandang oleh Puan Sri Rosalind Ningkan manakala ketua pemuda pula ialah Dayrell Walter Entrie.

Di samping itu, 11 orang terpilih menganggotai jawatankuasa kerja pusat (CEC) dan lapan lagi menduduki jawatankuasa itu secara lantikan.

Bercakap kepada pemberita selepas perhimpunan agung tiga tahun sekali itu yang berlangsung di Santubung, kira-kira 35 km dari sini, Dundang berkata Snap akan menawarkan diri untuk mempertahankan empat kerusi parlimen yang disandangnya, pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata walaupun dilanda masalah sebelum ini, namun SNAP tidak menghadapi kesulitan untuk mempertahankan kerusi berkenaan kerana menerima sokongan kuat di peringkat akar umbi.

"Bagi kami, kami masih dalam Barisan Nasional (BN). Walaupun tidak mempunyai YB (wakil rakyat) tapi kami mempunyai kerusi yang bukan menjadi milik mana-mana individu," katanya.

SNAP tidak mempunyai sebarang kerusi di parlimen dan dewan undangan negeri setelah empat anggota Parlimen dan tujuh anggota dewan undangan negerinya menyertai parti baru, Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP).

SPDP yang kemudian diterima menganggotai BN negeri dan kebangsaan dibentuk setelah pendaftaran SNAP dibatalkan pada 5 Nov tahun lepas kerana gagal menyelesaikan krisis kepimpinannya.

Snap, yang masih merupakan anggota BN dari segi undang-undang dan teknikal, akan cuba mengadakan pertemuan dengan pemimpin BN mengenai perkara itu apabila tiba masanya, kata Dundang.

Beliau berkata keputusan Mahkamah Rayuan menengguhkan pelaksanaan keputusan Pendaftar Pertubuhan (ROS) untuk membatalkan pendataran Snap pada 1 April tahun lepas bererti parti itu masih beroperasi seperti biasa dan tidak perlu dipulihkan oleh sesiapa.

Katanya, oleh kerana keanggotaan parti itu dalam BN tidak pernah terjejas, maka tindakan mempertikaikan keanggotaan, peranan, hak dan kelayakannya dalam BN merupakan perbuatan jahat dan menghina mahkamah.

Dundang berkata Snap yang kini disusun semula tidak pernah meninggalkan atau "disingkir" daripada BN.

Katanya, sebagai komponen BN, dalam resolusinya pada perhimpunan agung tersebut, Snap berikrar memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri yang juga pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang banyak menyumbang kepada kemajuan pesat negara, timbalannya Datuk Seri Abdullah Badawi dan Ketua Menteri, yang juga pengerusi BN negeri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Resolusi lain yang dibuat pada perhimpunan agung itu ialah menggesa kerajaan persekutuan supaya meneruskan "layanan istimewa" yang diberi sebelum ini di bawah Dasar Ekonomi Negara (DEN) kepada kumpulan minoriti bumiputera di Sarawak memandangkan mereka masih ketinggalan dalam bidang perdagangan, perniagaan, industri, pendidikan dan perkhidmatan awam.

Perhimpunan agung itu dihadiri 160 anggota perwakilan dari kesemua 64 bahagian parti itu.

-- BERNAMA

CJ KHL LCE AAM SP MOZ